

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN [ HANG TUAH JAYA ]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ HANG TUAH JAYA ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penerima bakul makanan (food basket), nilai setiap bakul dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk bakul makanan di dalam Parlimen Hang Tuah Jaya sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan; bagaimana edaran dilaksanakan dan apakah Kementerian tidak mengiktiraf peranan Ahli Parlimen di dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Bantuan yang dipertimbangkan kepada rakyat Malaysia berdasarkan syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Jumlah penerima bantuan bakul makanan di Kawasan Parlimen Hang Tuah Jaya adalah sebanyak 750 bakul makanan iaitu RM 750,000. Senarai

**SOALAN NO. : 41**

barangan keperluan bagi bakul makanan dengan kadar RM100 adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>ITEM</b>	<b>KUANTITI</b>
1	Beras 10kg	1 beg
2	Minyak masak 2kg*	1 botol
3	Gula pasir 1kg	2 paket
4	Tepung gandum 850gm	2 paket
5	Susu pekat 500gm	2 tin
6	Garam halus 400gm	2 paket
7	Bihun 400gm	2 paket
8	Kicap 660ml*	1 botol
9	Sos cili 340g	1 botol
10	Sardin 425g	2 tin
11	Teh/kopi	1 paket
12	Biskut	1 paket
13	Rempah ratus	
14	Cili kering	
15	Ikan kering/ bilis	